

Zurich Takaful Malaysia Melantik Nur Fatihah Mustafa: Ketua Pegawai Eksekutif Wanita Pertama untuk Industri Takaful di Malaysia

KUALA LUMPUR, 4 Jun 2024 – Zurich Takaful Malaysia Berhad (ZTMB) hari ini melakar kejayaan bersejarah dengan pengumuman pelantikan **Nur Fatihah Mustafa** sebagai **Ketua Pegawai Eksekutif** yang baharu, berkuat kuasa 4 Jun 2024. Fatihah menjadi wanita pertama yang dilantik sebagai ketua syarikat takaful di Malaysia, satu langkah yang penting terhadap kepelbagaian gender dan inklusif dalam industri.

“Kami berbangga melantik Fatihah sebagai Ketua Pegawai Eksekutif ZTMB,” kata **Junior Cho, Ketua Pegawai Eksekutif Negara/Ketua Zurich Malaysia**. “Rekod prestasinya yang terbukti, pemahaman mendalam tentang industri takaful, dan komitmen terhadap pengalaman pelanggan menjadikan beliau calon yang ideal untuk menerajui ZTMB dalam mencipta masa depan yang lebih cerah untuk perniagaan takaful. Pelantikan Fatihah adalah bukti komitmen kami terhadap kepelbagaian gender dan inklusif, dan kami percaya dia akan menjadi inspirasi dan memperkasakan kakitangan berprestasi tinggi lain di Zurich untuk mengisi jawatan kepimpinan.”

Sebelum ini Fatihah berkhidmat sebagai Wakil Sah untuk ZTMB, dan memainkan peranan penting dalam memfokus semula pada pertumbuhan strategik, memacu penyampaian produk dan inovasi, serta mencari peluang untuk mengukuhkan kedudukan syarikat sebagai peneraju pasaran takaful di Malaysia.

Fatihah memulakan kerjayanya bersama Zurich Malaysia pada tahun 2018 sebagai Ketua Perakaunan & Pelaporan Kewangan Takaful Am (FAR) sebelum dinaikkan pangkat sebagai Pengawal Takaful FAR. Pada Disember 2022, Fatihah telah memikul dua peranan sebagai Ketua Perancangan Strategi dan Pengurusan Prestasi untuk takaful keluarga.

Sebagai salah seorang wakil untuk Kumpulan Penyokong Pemimpin Wanita Zurich (FLAG), Fatihah memupuk persekitaran inklusif yang memperkasakan bakat wanita dalam Zurich untuk mencapai kemajuan dengan yakin dan merealisasikan potensi penuh kepimpinan mereka. Fatihah memiliki Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Putra Malaysia. Beliau juga merupakan Ahli Bertauliah *Certified Practising Accountant* (CPA) Australia dan Institut Akauntan Malaysia (MIA).

“Saya berbesar hati kerana diberikan peluang untuk menyandang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif di ZTMB dan memainkan peranan dalam memajukan industri takaful,” kata **Fatihah**. “Melalui penggunaan teknologi dan pemahaman yang mendalam tentang keperluan pelanggan, kami akan memberi lebih tumpuan kepada penyampaian penyelesaian takaful inovatif yang menyumbang kepada landskap kewangan yang lebih inklusif di Malaysia. Saya ingin merakamkan sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pasukan pengurusan dan lembaga pengarah kerana memberi kepercayaan kepada saya untuk memimpin ZTMB ke tahap yang lebih tinggi. Saya juga berharap perjalanan kerjaya saya akan menjadi inspirasi kepada wanita lain untuk mengejar cita-cita kepimpinan mereka.”

Untuk maklumat lanjut tentang ZTMB dan manfaat pelan perlindungan takafulnya, sila layari zurich.com.my.

###

Nota kepada editor:

Tentang Zurich Malaysia

Zurich Malaysia adalah istilah rujukan kolektif bagi anak-anak syarikat Zurich Insurance Group (Zurich) yang beroperasi di Malaysia: Zurich General Insurance Malaysia Berhad, Zurich Life Insurance Malaysia Berhad, Zurich General Takaful Malaysia Berhad dan Zurich Takaful Malaysia Berhad. Zurich Malaysia menawarkan pelbagai penyelesaian insurans dan takaful yang komprehensif; membantu individu dan juga pemilik perniagaan memahami dan melindungi diri, perniagaan dan juga asset mereka daripada risiko. Zurich Malaysia mempunyai rangkaian cawangan bersepadu di bandar-bandar utama di seluruh negara dan juga agensi dan saluran pengedaran yang berdedikasi di seluruh negara untuk memenuhi keperluan pelanggan. Untuk maklumat lanjut mengenai Zurich Malaysia, layari www.zurich.com.my